

**PROSES PEMBENTUKAN KATA KERJA  
TERBITAN DAN FUNGSI PENGIMBUHAN  
BAHASA KADAZANDUSUN**



**ROZITA BINTI BUYOH**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2018**

**PROSES PEMBENTUKAN KATA KERJA  
TERBITAN DAN FUNGSI PENGIMBUHAN  
BAHASA KADAZANDUSUN**

**ROZITA BINTI BUYOH**



**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2018**

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_IJAZAH : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: \_\_\_\_\_

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

Catatan:

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 OGOS 2018

---

Rozita Binti Buyoh  
DU1421004T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **ROZITA BINTI BUYOH**

NO. PELAJAR : **DU1421004T**

TAJUK : **PROSES PEMBENTUKAN KATA KERJA TERBITAN DAN  
FUNGSI PENGIMBUHAN BAHASA KADAZANDUSUN**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (LINGUISTIK)**

TARIKH VIVA : **21 OGOS 2018**



1. **PENYELIA UTAMA**

Dr. Jane Wong Kon Ling

DISAHKAN OLEH;

Tandatangan

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. **PENYELIA BERSAMA**

Pn. Veronica Petrus Atin

\_\_\_\_\_

## **PENGHARGAAN**

Segala pujian dan penuh kesyukuran dipanjangkan kepada Tuhan Yang Mahakuasa lagi Maha Penyayang kerana dengan berkat dan izin-Nya maka saya dapat menyempurnakan proses penyelidikan dan penulisan kajian ini dalam tempoh yang ditetapkan.

Pertamanya dedikasi ini ditujukan buat kedua ibu bapa saya, allayarham Buyoh Gapoh @ Lazim Abdullah dan mendiang Maria Ansupinah Kidou yang tidak sempat melihat perjalanan pengajian anaknya untuk menuju kemuncak ilmu akademik. Teristimewa untuk suami dan anak-anak serta seluruh ahli keluarga yang tercinta. Terima kasih atas sokongan, dorongan dan doa yang berterusan.

Melalui ruangan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia atas penajaan dan kemudahan cuti belajar kepada saya. Tidak dilupakan kepada pentadbiran Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya yang sentiasa memberi sokongan kepada peningkatan akademik pensyarah. Kemudahan dan peluang ini saya telah manfaatkan sebaik-baiknya demi menjunjung amanah dan kepercayaan yang telah diberikan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan buat kedua-dua penyelia saya, Dr. Jane Wong Kon Ling dan Puan Veronica Perus Atin atas kesudian memberikan bimbingan dan penyeliaan yang sangat baik dan komited dari mula sehingga selesainya kajian ini. Kehadiran dua individu penting ini merupakan limpahan berkat dan doa saya yang dimakbulkan Tuhan. Motivasi dan semangat yang mereka curahkan memberi kekuatan kepada saya untuk menghadapi pelbagai rintangan di sepanjang tempoh pengajian. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan juga kepada barisan pentadbiran, para pensyarah dan staf di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa atas keprihatinan memberi ruang dan peluang mencanai dan menambah ilmu penyelidikan dalam kalangan pelajar pascasiswazah yang bernaung di PPIB. Tidak dilupakan sekalung terima kasih kepada pihak pentadbiran dan staf di Pusat Pascasiswazah, Universiti Malaysia Sabah kerana pengurusan yang cekap dan efisien dapat memudahkan urusan setiap pelajar. Memilih untuk meneruskan pengajian peringkat kedoktoran di universiti ini merupakan keputusan yang tepat dan saya berasa bersyukur kerana dapat menimba banyak ilmu dan pengalaman di institusi ini.

Penghargaan yang tidak terhingga juga dititipkan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sudi meluangkan masa untuk ditemu bual khususnya kepada para informan saya di daerah Ranau, Tambunan dan Keningau; di Jabatan Pendidikan Sabah; di Bahagian Teknologi Pendidikan Sabah, serta di RTM, Sabah. Teristimewa juga kepada Prof. Dr. Paul Kroeger atas kesudian beliau memberi tunjuk ajar dan mengongsikan ilmu kajian linguistik kepada saya. Tidak dilupakan kepada rakan-rakan serta setiap individu yang banyak memberikan bantuan di sepanjang proses kajian ini dijalankan. Tanpa sumbangan kalian, kajian ini tidak ke mana dan segala jasa baik anda hanya Tuhan yang dapat membalaunya.

Rozita Bt. Buyoh  
30 Ogos 2018

## **ABSTRAK**

Bahasa Kadazandusun mula diajarkan di sekolah sewal tahun 1988 di bawah polisi pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda pelajar [*Pupil's Own Language*]. Pada tahun 1996 Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan bahasa Kadazandusun sebagai mata pelajaran bahasa tambahan di beberapa buah sekolah rendah terpilih di negeri Sabah. Dialek Bunduliwan diangkat sebagai dialek piawai dalam medium pengajaran dan pembelajaran. Bahasa Kadazandusun banyak menggunakan pengimbuhan untuk menerbitkan perkataan baru. Proses pengimbuhan dalam kata kerja terbitan bahasa ini mempamerkan pola yang kompleks. Setiap bentuk imbuhan mempunyai fungsi gramatikalnya yang tersendiri. Walau bagaimanapun aspek ini belum dikaji dengan terperinci. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis imbuhan yang membentuk kata kerja terbitan; menghuraikan proses pembentukan kata kerja terbitan; dan mengenal pasti fungsi pengimbuhan sebagai penanda fokus, masa, aspek dan ragam. Kajian ini dilakukan dengan kaedah kajian lapangan melalui rakaman temu bual dengan penutur natif dialek Bundu dan dialek Liwan di daerah Ranau, Tambunan dan Keningau. Triangulasi kaedah dan data turut dilakukan dengan membuat kajian lapangan di Unit Siaran Bahasa Dusun, Radio Televisyen Malaysia, Sabah serta mengumpul data dari beberapa buah cerita rakyat Kadazandusun untuk tujuan analisis kandungan. Data transkripsi rakaman temu bual dan teks data sekunder telah dianalisis berdasarkan pendekatan Teori Struktural (Aliran Bloomfield) dengan menghuraikan proses morfologi pembentukan kata kerja terbitan serta menganalisis fungsi imbuhan sebagai penanda fokus, masa, aspek, dan ragam. Hasil kajian mendapat bahasa Kadazandusun membentuk kebanyakan kata terbitannya melalui proses penggabungan kata tunggal, kata terbitan dan kata kerja ganda dengan morfem imbuhan sama ada secara awalan, akhiran, sisipan, dan apitan. Proses pengimbuhan menyebabkan berlakunya proses morfonemik yang menimbulkan varian imbuhan; serta proses harmoni vokal dan peneutralan dalam beberapa bentuk kata dasar yang menerima imbuhan. Kajian juga mendapat terdapat empat bentuk penanda fokus dalam pengimbuhan iaitu fokus objek, fokus aktor, fokus penerima dan fokus lokasi. Masa dan aspek yang dirujuk merangkumi masa lepas untuk aspek sudah berlaku; masa kini untuk aspek sedang berlaku; masa akan datang untuk aspek akan berlaku atau belum berlaku; serta bentuk neutral yang boleh menduduki ketiga-tiga bentuk penanda masa-aspek. Penanda ragam terdiri daripada potensi dan keupayaan, tanpa sengaja, menyaling, progresif, kehendak, kausatif dan kebarangkalian. Kajian ini telah memberi beberapa implikasi iaitu memperkaya kajian linguistik dan membantu usaha pembinaan dan pemantapan bahasa Kadazandusun. Selain itu, hasil kajian boleh menjadi sumber rujukan pihak penggubal kurikulum subjek bahasa Kadazandusun serta boleh dirujuk oleh tenaga pengajar dan pelajar kursus bahasa ini. Secara ringkasnya, kajian ini wajar diperluaskan kepada dialek-dialek serumpun yang lain demi melengkapkan kajian morfologi rumpun bahasa Kadazandusun.

## **ABSTRACT**

### **THE PROCESS OF DERIVATIONAL WORDS' FORMATION AND THE FUNCTIONS OF AFFIXES IN KADAZANDUSUN**

The Kadazandusun Language has been taught in schools as early as 1988 under the Pupils' Own Language Teaching and Learning Policy (POL). In 1996, the Ministry of Education introduced Kadazandusun Language as an additional language in several selected primary schools in Sabah. The Bunduliwan dialect was adopted as the standard dialect used in the teaching and learning medium. The Kadazandusun language uses a lot of affixation to create new words. The affixation process of the language's derived verbs portrays a complex pattern. Each form of affixation has its own grammatical function. However, this aspect has yet to be studied elaborately. Therefore, the objective of this research is to identify types of affixation which form derivational verbs; to list down the formation process of derivational verbs and to identify the affixation functions as focus, tense, aspects and moods marking. This study was carried out as a field study, recording interviews with native speakers of the Bundu and Liwan dialects in Ranau, Tambunan and Keningau districts. The triangulation of methods and data was also done by implementing a field study in the Dusun Language Broadcasting Unit, Radio Television Malaysia, Sabah, as well as collecting data from some Kadazandusun folktales for the purpose of content analysis. The transcribed recorded interview data and secondary text data were analyzed based on the Structural Theory (Bloomfield Approach) by describing the morphological process of derived verbs formation and analyzing the function and marking of focus, time, aspect and variety in affixation. Findings of this study showed that the Kadazandusun language forms most of its derived verbs based on the combining process of root word, derived word and doubled verbs with the affixation morpheme either as prefix, suffix, infix or circumfix. The process of affixation also causes the process of morphophonemic which creates affix variance; and the process of vocal harmony and neutralization in several forms of root words that receive affixation. This study found four types of focus markings in affixation which include object focus, actor focus, recipient focus and location focus. Tense and the referred aspect consist of the past for aspects that have already occurred; the present for aspects that is happening; the future for aspects that will happen or have not happened; and there are neutral forms that are forms that can be placed in the three types of tense-aspect marking. The marked moods of the verb affixation comprises of potential and abilitative, unintentional, reciprocal, progressive, intent, causative and subjunctive moods. This study has given some implications such as enriching the linguistic study and assisting in the efforts of the formation and augmentation of the Kadazandusun language. In addition, findings of this study can become a reference source for the curriculum designers to improve the proforma of the Kadazandusun Language subject as well as the instructors and students of this language course. In brief, this study deserves to be extended to other cluster dialects so as to complete the morphological study of the Kadazandusun language cluster.

## **SENARAI KANDUNGAN**

Halaman

<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	16
1.3 Pernyataan Masalah	19
1.4 Objektif Kajian	22
1.5 Soalan Kajian	22
1.6 Kepentingan Kajian	22
1.7 Batasan Kajian	24
1.8 Definisi Operasional	25
1.9 Penutup	27
<b>BAB 2: TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	28
2.2 Definisi Konsep Pembentukan Kata Terbitan	31
2.3 Proses Pembentukan Kata Kerja Terbitan dan Fungsi Imbuhan dalam Bahasa Melayu	34
2.4 Kajian Morfologi Bahasa Kadazandusun	38
2.4.1 Kajian oleh Mubaligh Kristian	38
2.4.2 Kajian oleh Persatuan dan Pengkaji Tempatan	44
2.4.3 Kajian oleh Ahli Linguistik Barat	48
2.4.4 Kajian Berdasarkan Kurikulum Sekolah	51
2.5 Perbandingan Teori dan Kaedah Nahu dalam Pelbagai Aliran Linguistik Moden	54

2.6	Kerangka Teori Kajian	58
2.7	Penutup	71

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	73
3.2	Rekabentuk Kajian	73
3.3	Pemilihan Lokasi Kajian	77
3.4	Pemilihan Informan	84
3.5	Pemilihan Sampel Buku Cerita Rakyat dan Data RTM	90
3.6	Instrumen Kajian	91
3.7	Tatacara dan Prosedur Pengumpulan Data	92
3.7.1	Pemerhatian dan Nota Lapangan	93
3.7.2	Temu Bual Bersemuka	94
3.7.3	Analisis Kandungan	99
3.8	Kerapian Penyelidikan (Kesahan dan Kebolehpercayaan)	101
3.8.1	Kredibiliti dan Ketulenan (Kesahan Dalaman)	102
3.8.2	Kebolehpindahan dan Keterterapan (Kesahan Luaran)	107
3.8.3	Keboleharapan (Kebolehpercayaan)	108
3.8.4	Kebolehsahan (Objektiviti)	109
3.9	Etika Penyelidikan	110
3.10	Pemilihan dan Penyusunan Data	114
3.11	Transkripsi Data	115
3.12	Pengekodan Data	116
3.13	Pengkategorian Data	120
3.14	Analisis Data	121
3.15	Persembahan Data	125
3.16	Penutup	126

### **BAB 4: JENIS-JENIS IMBUHAN KATA KERJA DAN PROSES PEMBENTUKAN KATA KERJA TERBITAN**

4.1	Pengenalan	127
4.2	Jenis-Jenis Imbuhan yang Membentuk Kata Kerja Terbitan Bahasa Kadazandusun DB, DL	128
4.2.1	Imbuhan Awalan	128
4.2.2	Imbuhan Akhiran	135
4.2.3	Imbuhan Apitan	136
4.2.4	Imbuhan Sisipan	140
4.3	Proses Pembentukan Kata Kerja Terbitan Bahasa Kadazandusun	142
4.3.1	Imbuhan Awalan	144
4.3.2	Imbuhan Akhiran	156
4.3.3	Imbuhan Apitan	161
4.3.4	Imbuhan Sisian	169
4.4	Penutup	177

**BAB 5 : FUNGSI PENGIMBUHAN DALAM KATA KERJA TERBITAN**

5.1	Pengenalan	185
5.2	Fungsi Imbuhan Awalan Sebagai Penanda Fokus, Masa, Aspek dan Ragam	187
5.3	Fungsi Imbuhan Akhiran Sebagai Penanda Fokus, Masa, Aspek dan Ragam	261
5.4	Fungsi Imbuhan Apitan Sebagai Penanda Fokus, Masa, Aspek dan Ragam	285
5.5	Fungsi Imbuhan Sisipan Sebagai Penanda Fokus, Masa, Aspek dan Ragam	322

**BAB 6: RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

6.1	Pengenalan	347
6.2	Implikasi Kajian	347
6.3	Cadangan Kajian Lajutan	351
6.4	Penutup	352
6.5	Implikasi Kajian	346
6.6	Cadangan Kajian Lanjutan	348
6.7	Penutup	353


**RUJUKAN  
LAMPIRAN**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Perbandingan Perkataan, Frasa dan Kata Penegas antara DB dan DL	14
Jadual 2.1 Penanda Voice, Masa, Aspek dan Ragam dalam Dusun Kimaragang	49
Jadual 2.2 Paradigma Imbuhan dan Fokus dalam Dusun Lotud	50
Jadual 3.1 Borang Saringan/Pemilihan Informan	86
Jadual 3.2 Borang Data Informan	96
Jadual 3.3 Jadual Kajian Lapangan	107
Jadual 4.1 Jenis Imbuhan Awalan Kata Kerja Terbitan Bahasa Kadazandusun DB, DL	129
Jadual 4.2 Jenis Imbuhan Akhiran Kata Kerja Terbitan Bahasa Kadazandusun DB, DL	135
Jadual 4.3 Jenis Imbuhan Apitan Kata Kerja Terbitan Bahasa Kadazandusun DB, DL	136
Jadual 4.4 Jenis Imbuhan Sisipan Kata Kerja Terbitan Bahasa Kadazandusun DB, DL	140
Jadual 4.5 Proses Pembentukan Kata Kerja Terbitan Berimbuhan Awalan	144
Jadual 4.6 Proses Pembentukan Kata Kerja Terbitan Berimbuhan Akhiran	156
Jadual 4.7 Proses Pembentukan Kata Kerja Terbitan Berimbuhan Apitan	161

Jadual 4.8	Proses Pembentukan Kata Kerja Terbitan Berimbuhan Sisipan	171
Jadual 4.9	Rumus Jenis-Jenis Imbuhan Kata Kerja Terbitan	179
Jadual 5.1	Paradigma Imbuhan Awalan Kata Kerja Terbitan Bahasa Kadandusun DB, DL	188
Jadual 5.2	Paradigma Imbuhan Akhiran Kata Kerja Terbitan Bahasa Kadandusun DB, DL	262
Jadual 5.3	Paradigma Imbuhan Apitan Kata Kerja Terbitan Bahasa Kadandusun DB, DL	286
Jadual 5.4	Paradigma Imbuhan Sisipan Kata Kerja Terbitan Bahasa Kadandusun DB, DL	322



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI RAJAH**


	Halaman	
Rajah 1.1	Peta Keluarga Bahasa Sabah	3
Rajah 2.1	Perbandingan Aliran pemikiran dan Teori dan Kaedah Nahu Linguistik Moden	57
Rajah 2.3	Konsep Sistem Penanda Masa	68
Rajah 3.1	Peta Negeri Sabah Mengikut Sempadan Daerah	84
Rajah 3.2	Triangulasi Kaedah dan Sumber Data Penyelidikan	104
Rajah 3.3	Penanda Masa dalam Imbuhan Kata Kerja Terbitan Bahasa Kadazandusun	124
Rajah 4.1	Rumus Pembentukan Kata WFR	143
Rajah 4.2	Rumus WFR Struktur Kompleks	144
Rajah 4.3	Rumus WFR Imbuhan Awalan	179
Rajah 4.4	Rumus WFR Imbuhan Akhiran	179
Rajah 4.5	Rumus WFR Imbuhan Apitan	180
Rajah 4.6	Rumus WFR Imbuhan Sisipan	180
Rajah 4.7	Rumus WFR Kata Kerja Terbitan Struktur Kompleks	181
Rajah 4.8	Rumus Varian Imbuhan Awalan	182
Rajah 4.9	Rumus Proses Harmoni Vokal	182
Rajah 4.10	Rumus Peneutralan Vokal	183
Rajah 4.11	Rumus Vokal Legap	183

Rajah 5.1	Penanda FO dalam Imbuhan Kata Kerja Terbitan BKD	344
Rajah 5.2	Penanda FA dalam Imbuhan Kata Kerja Terbitan BKD	345
Rajah 5.3	Penanda FP dalam Imbuhan Kata Kerja Terbitan BKD	346
Rajah 5.4	Penanda FL dalam Imbuhan Kata Kerja Terbitan BKD	346
Rajah 5.5	Fungsi Imbuhan Kata Kerja Terbitan Bahasa Kadazandusun sebagai Penanda Fokus, Masa, Aspek dan Ragam	348



## SENARAI SINGKATAN

<b>B</b>	Baris
<b>BCR</b>	Buku Cerita Rakyat
<b>BKD</b>	Bahasa Kadazandusun
<b>CD</b>	<i>compact disc</i>
<b>DB</b>	Dialek Bundu
<b>DB ( P )</b>	Dialek Bundu (Perempuan)
<b>DB ( L )</b>	Dialek Bundu (Lelaki)
<b>DL</b>	Dialek Liwan
<b>DL ( P )</b>	Dialek Liwan (Perempuan)
<b>DL ( L )</b>	Dialek Liwan (Lelaki)
<b>DPLI</b>	Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah
<b>FA</b>	Fokus Aktor
<b>FL</b>	Fokus Lokasi
<b>FO</b>	Fokus Objek
<b>FP</b>	Fokus Penerima
<b>HU</b>	<i>Hermaneutic Unit</i>
<b>I</b>	Informan
<b>IPG</b>	Institut Pendidikan Guru
<b>P</b>	Pengkaji
<b>P-Docs</b>	<i>Primary Document</i>
<b>PTL</b>	<i>Philippine-type language</i>
<b>QM</b>	<i>Quotation Manager</i>
<b>RNU</b>	Ranau
<b>RTM</b>	Radio Televisyen Malaysia
<b>KA</b>	Kata Adjektif
<b>KG</b>	Kata Ganda
<b>KK</b>	Kata Kerja
<b>KKT</b>	Kata Kerja Terbitan
<b>KN</b>	Kata Nama
<b>KGU</b>	Keningau
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>KLF</b>	Kadazan Language Foundation
<b>TBN</b>	Tambunan
<b>UMS</b>	Universiti Malaysia Sabah
<b>UPSI</b>	Universiti Pendidikan Sultan Idris
<b>WFR</b>	<i>Word Formation Rule</i>



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman
Lampiran A (i) : Informan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah	368
Lampiran A (ii) : Informan Kajian Lapangan Mengikut Daerah	369
Lampiran A (iii) : Informan Kajian Lapangan RTM	371
Lampiran B (i) : Contoh Transkrip Lapangan Daerah Ranau	372
Lampiran B (ii) : Contoh Transkrip Lapangan Daerah Tambunan	383
Lampiran B (iii) : Contoh Transkrip Lapangan Daerah Keningau	402
Lampiran B (iv) : Contoh Transkrip BCR	410
Lampiran B (v) : Contoh Transkrip RTM	413
Lampiran C (i) : P Doc Manager HU Lapangan	424
Lampiran C (ii) : P Doc Manager HU BCR RTM	425
Lampiran C (iii) : Code Manager HU Lapangan	426
Lampiran C (iv) : Code Manager HU BCR RTM	427
Lampiran C (v) : QM HU Lapangan	428
Lampiran C (vi) : QM HU BCR RTM	429
Lampiran C (vii) : Contoh Imbuhan Analisis Data Lapangan	430
Lampiran C (viii) : Contoh Imbuhan Analisis Data BCR RTM	431
Lampiran C (ix) : Contoh Ayat Analisis Data Lapangan	432
Lampiran C (x) : Contoh Ayat Analisis Data BCR RTM	433
Lampiran D (i) : Templat Kosong Paradigma Pengimbuhan Kata Kerja Terbitan dan Analisis Fokus, Masa, Aspek dan Ragam	434
Lampiran D (ii) : Templat Analisis Paradigma Pengimbuhan Kata Kerja Terbitan dan Analisis Fokus, Masa, Aspek dan Ragam	437
Lampiran D (iii) : Templat Proses Pembentukan, Ciri-ciri dan Fungsi Imbuhan Kata Kerja Terbitan	466
Lampiran E (i) : Gambar Temu Bual dengan Informan Lapangan dan RTM	467
Lampiran E (ii) : Gambar Instrumen dan Tatacara Rakaman	468
Lampiran F : Nota Lapangan	469
Lampiran G (i) : Perjanjian Perisyiharan Bahasa Kadazandusun sebagai Bahasa Rasmi	472
Lampiran G (ii) : Perjanjian Perisyiharan Dialek Bunduliwan sebagai Asas Pemiawaian dan Pembakuan Bahasa Kadazandusun	473
Lampiran H : Data Maklumat Bahasa Kadazandusun Mengikut Jantina Guru dan Murid untuk Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah bagi Tahun 2015	475

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**


**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL: **PROSES PEMBENTUKAN KATA KERJA TERBITAN DAN FUNGSI PENGIMBUHAN BAHASA KADAZANDUSUN**

IJAZAH: **DOKTOR FALSAFAH (LINGUISTIK)**

Saya **ROZITA BINTI BUYOH**, sesi **2015-2018**, mengaku membenarkan tesis Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):



(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

---

**ROZITA BINTI BUYOH**  
DU1421004T

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 30 Ogos 2018

---

(Dr. Jane Wong Kon Ling)  
Penyelia

---

(Pn. Veronica Petrus Atin)  
Penyelia Bersama

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Borneo Utara yang disebut oleh orang Dusun sebagai Saba terletak di pulau Borneo. Dari segi geografi, seluruh negeri Sabah terletak di kawasan tropika, iaitu di garisan lintang  $3^{\circ} 42' U$  di puncak Sungai Padas hingga ke  $7^{\circ} 2' U$  di Semenanjung Kudat. Negeri Sabah mempunyai keluasan 73,711 kilometer persegi dan dikelilingi laut dari tiga arah iaitu di barat Sabah terbentang Laut Cina Selatan; di utara dan timur laut pula Laut Sulu dan di timur pula ialah Laut Sulawesi (Jaludin Chuchu, 2003: 35).



Negeri Sabah diwarnai oleh pelbagai kumpulan etnik yang turut membawa pelbagai jenis bahasa. Walaupun terdapat banyak bahasa dan dialek yang dituturkan oleh kumpulan etnik tersebut, namun bukan semua bahasa dan dialek tersebut telah dikaji dan direkodkan secara ilmiah. Majoriti penduduk negeri Sabah ialah kaum bumiputera Dusun atau Kadazan iaitu sebanyak 28.2 peratus (King dan King, 1984) dan bancian perangkaan negeri Sabah menganggarkan pada tahun 2000 penutur bahasa Kadazandusun adalah seramai 750,000 orang (Lasimbang, 2004:10).


Bahasa-bahasa etnik di Sabah digolongkan dalam rumpun bahasa Austronesia (Asmah, 2015; King & King, 1984). Bahasa pribumi yang lama di Sabah diklasifikasikan kepada tiga jenis keluarga atau rumpun yang utama iaitu Rumpun Bahasa Dusunik, Rumpun Bahasa Murutik dan Rumpun bahasa Paitanik. Rumpun Bahasa Dusunik mempunyai 13 jenis bahasa utama, diikuti Rumpun Bahasa Murutik yang mempunyai 12 bahasa utama dan Rumpun Bahasa Paitanik yang mempunyai empat bahasa utama. Ketiga-tiga rumpun bahasa ini diklasifikasikan sebagai sebahagian Rumpun Bahasa Borneo daripada Rumpun Besar Bahasa Austronesia

Barat (Miller, 1988; King dan King, 1984). Etnik Dusunik kebanyakannya ditemui di kawasan pedalaman dan Pesisir Pantai Utara dan Barat. Etnik Murutik kebanyakannya ditemui di sepanjang kawasan pedalaman selatan Sabah dan etnik Paitanik kebanyakannya ditemui di sepanjang sungai di bahagian timur terutamanya di kawasan pedalaman (Pugh-Kitingan, 2012: 3).

### **1.1.1 Rumpun Keluarga Bahasa Dusunik**

Keluarga bahasa Dusunik merupakan rumpun bahasa pribumi yang terbesar di Sabah, dan penuturnya mendiami seluruh pelosok negeri Sabah. Bahasa rumpun Dusun juga mempunyai pelbagai nama mengikut nama tempat tinggal kaum berkenaan yang didasarkan kepada nama sungai, cabang sungai, nama pokok, nama binatang, nama batu dan nama gunung. Etnik Dusunik pula termasuklah komuniti Rungus di Semenanjung Kudat dan Pitas, Tobilung yang terdapat di Kota Marudu dan Kota Belud, Kimaragang di Kota Marudu dan Pitas, Sonsogon di Kota Marudu, Dusun Labuk atau dikenali juga sebagai Kadazan Labuk-Kinabatangan atau Kadazan Timur di Sungai Labuk dan sebahagian Sungai Kinabatangan, Lotud di daerah Tuaran, Kadazan Dusun atau turut digelar Kadazandusun (lihat 1.1.2), Kuijau di daerah Keningau, etnik Tatana, Bisaya dan Papar di Kuala Penyu, Kadazan Sungai Klias di daerah Beaufort dan Dumpas di kawasan Labuk-Sugut (Pugh-Kitingan, 2012: 6). Bahasa Dusun/Kadazan sahaja mempunyai 13 jenis dialek (Regis, 1989: 448). Meskipun etnik Dusunik ini menggunakan dialek yang berlainan, kelainan yang wujud tidak menghalang komunikasi antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana masih ada unsur saling memahami, yakni ciri yang dikongsi berdasarkan warisan bersama (Clayre 1966 : 8).

Satu usaha telah dilakukan oleh *Summer Institute of Linguistic* (SIL) dan Ethnologue (2017) untuk melihat semula taburan, kekerabatan bahasa dan persempadanan semula setiap keluarga bahasa dan dialek termasuklah bahasa-bahasa yang terdapat di negeri Sabah. Usaha tersebut adalah atas keperluan semasa dan untuk mengemaskinikan data dan maklumat bahasa. Pecahan, kekeluargaan, sempadan bahasa dan dialek bagi bahasa-bahasa yang terdapat di Sabah dapat diperhatikan seperti dalam rajah 1.1 di bawah:



**Rajah 1.1 : Peta Keluarga Bahasa di Sabah**

Sumber : <http://ethnologue.com>

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Berdasarkan taburan bahasa dalam peta tersebut, kawasan penyebaran bahasa Kadazandusun yang ditandai kod 94 adalah meliputi daerah Papar, Penampang, Kota Belud, Ranau dan Tambunan. Walau bagaimanapun, secara realitinya peta tersebut tidaklah dapat memberi gambaran yang sangat tepat tentang kawasan penyebaran bahasa Kadazandusun di negeri Sabah. Hal ini demikian kerana bahasa Kadazandusun sebenarnya telah tersebar sehingga ke daerah-daerah lain seperti Beaufort, Tenom, Keningau malahan terdapat komuniti Kadazan Dusun di Tawau dan Sandakan akibat perpindahan penuturnya yang meneroka petempatan baru atau telah bermastautin di tempat tersebut atas beberapa faktor seperti peluang pekerjaan.

## **1.1.2 Etimologi Dusun, Kadazan, Kadazan Dusun / Kadazandusun**

### **i. Dusun**

Regis (1989:415) menyatakan bahawa istilah ‘Dusun’ ini telah diberikan oleh penutur atau masyarakat Melayu bagi merujuk masyarakat Dusun yang secara tradisi sememangnya bertani atau berkebun. Istilah ‘Dusun’ juga dikatakan telah dicipta oleh orang-orang Brunei yang memerintah sebahagian daripada negeri Sabah sebelum kedatangan orang-orang Barat. Mereka menggunakan istilah tersebut sebagai rujukan kepada kelompok etnik yang hidup bersuku-suka (Appell, 1968: 13). Appell juga menyatakan bahawa setiap kelompok etnik itu ditandai oleh perilaku sosiobudayanya yang tersendiri. Oleh itu, istilah ‘Dusun’ tidak berkaitan dengan perkataan Melayu yang bermaksud ‘kebun buah-buahan’ (Ahmad Ongohon 1977: 8).

Arena Wati (1979: x) menyatakan istilah ‘Dusun’ merangkumi kelompok-kelompok Suku Dusun dan Rungus yang tinggal di kawasan Keningau, Tambunan, Ranau, Ulu Tuaran, Kota Belud, Penampang dan Papar. Walau bagaimanapun suku kaum Dusun di Kawasan Penampang dan Papar lebih suka digelar Kadazan. Japiun Madiyah (1986:3) dalam kajiannya menyatakan bahawa masyarakat Dusun membentuk satu pertiga daripada jumlah keseluruhan negeri Sabah. Mereka tinggal di bahagian Pantai Barat Sabah (Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Tamparuli, Tuaran, Kundasang, Ranau dan Papar); di Bahagian Pedalaman (Kuala Penyu, Tambunan dan Keningau) serta di bahagian Pantai Timur (Sandakan dan Lahad Datu). Setiap kelompok suku Dusun menamakan suku mereka mengikut keadaan tempat, nama-nama batu, pokok, sungai, lembah dan pahlawan di tempat mereka menetap. Japiun (1986) membahagikan kelompok Dusun ini kepada 12 suku iaitu Dusun Penampang, Dusun Putatan, Dusun Papar, Dusun Ranau, Dusun Lotud, Dusun Kiau, Dusun Rungus, Dusun Tagas, Dusun Tempasuk, Dusun Tambunan, Dusun Tatana, dan Dusun Tungku atau Begahak.

Asal-usul masyarakat Kadazandusun masih menjadi pertikaian beberapa pengkaji misalnya antara ahli sejarawan dan saintis sosial. Pengkaji kedua-dua bidang memaparkan beberapa teori besar berkenaan asal-usul orang

Kadazandusun. Teori pertama merumuskan penghijrahan rumpun Indo Malayan dari Yunnan, China ke negara-negara di Asia Tenggara. Aspek fizikal, bahasa pertuturan, kumpulan darah dan hasil kesenian yang terdapat dalam masyarakat Kadazandusun. Walau bagaimanapun, menurut Low Kok On (2004: 10) teori migrasi rakyat ini menampakkan kelemahan dari aspek jurang tahun yang amat besar iaitu dari tahun 20, 000 S.M sehingga tahun 1,000 S.M. yakni pengkaji kedua-dua bidang tidak sependapat tentang bilakah orang Kadazandusun berada di Sabah.

Dapatkan pengkaji antropologi fizikal dan linguistik perbandingan menunjukkan adanya persamaan ciri-ciri fizikal di kalangan penduduk pribumi di Vietnam, Taiwan, Filipina dengan orang Kadazandusun. Ujian darah (*blood types*) dalam kalangan penduduk pribumi tersebut adalah tergolong dalam kumpulan darah yang sama antara satu sama lain. Sementara kajian linguistik menunjukkan bahawa bahasa suku Bisaya di Filipina mirip kepada bahasa orang Kadazandusun dan mempunyai asal-usul yang sama (Luping, 1985:4). Walau bagaimanapun, Low Kok On (2004: 10) menyatakan sememangnya kebanyakan suku pribumi yang bertaburan di seluruh Asia seperti Yunnan, Taiwan, Filipina, Indonesia, Thailand dan Mynmar mempunyai beberapa kemiripan dari segi pakaian, gaya hidup dan aspek budaya lain. Oleh itu, beliau mencadangkan agar penyelidikan yang lebih teliti harus dilakukan sebelum pengesahan dibuat sama ada semua suku pribumi tersebut tergolong sebagai satu rumpun yang sama atau pun tidak.

Berdasarkan catatan Whitehead dalam bukunya, *The Exploration of Kinabalu* yang diterbitkan pertama kali pada tahun 1893 menghuraikan Dusun Patatan (Putatan) seperti yang berikut:

*"The Dusun, as the inhabitants of this district are called, are a hard-working lot of people, devoting their time almost entirely to rice-cultivation. The rice grown by them is called swamp-rice, to distinguish it from hill-rice. ...beside rice they have large coconut plantations; betel-nut and other fruits are also cultivated on the small hills that stud the plain. Their only trouble is an*

*occasional flood, when many cattle are washed away and other damage done." (Whitehead, J., 1991: 25)*

Manakala Evans (1917) mentakrifkan "orang Dusun" sebagai,

*"...people of the orchards," is a name which was originally used by the Malays to denote large sections of the Indonesian population of British North Borneo, living chiefly in the interior and the country behind the coastal regions, whom they considered to be of rather similar habits and culture. The term is loose, but useful, and has consequently been adopted by Europeans..." (Evans ,1917:151)*

Menurut Pugh-Kitingan (2012: 12) istilah Dusun adalah bermaksud kebun dalam bahasa Melayu Brunei. Istilah tersebut digunakan oleh Kesultanan Brunei yang menguasai pantai barat Borneo Utara untuk merujuk etnik petani pedalaman terutamanya yang menanam padi sawah. Penggunaan istilah Dusun ini digunakan oleh orang British semasa kedatangan Syarikat (Berpiagam) Borneo Utara pada tahun 1881. Pugh-Kitingan (2012: 13) turut menyatakan bahawa dalam beberapa tahun selepas penubuhan Syarikat (Berpiagam) Borneo Utara British pada tahun 1881 dan menuju abad ke-20, istilah Dusun digunakan sebagai glos untuk etnik yang terlibat dalam penanaman padi yang kompleks dan bertutur dalam bahasa dan dialek yang berkaitan.

Secara keseluruhannya, berdasarkan tulisan pengkaji lepas dapat dirumuskan bahawa nomenklatur atau penggunaan istilah Dusun adalah berasal dari masyarakat luar iaitu yang digunakan oleh Melayu Brunei untuk merujuk masyarakat pribumi di pantai barat Sabah (dahulunya dikenali sebagai Borneo Utara) yang terlibat dengan aktiviti bertani. British yang kemudiannya mentadbir Borneo Utara bermula 1881 telah mengadaptasi istilah tersebut untuk merujuk penduduk pribumi berdasarkan petempatan mereka yang berhampiran dengan kebun buah-buahan serta merujuk konotasi luar bandar (LeBar, 1972 dalam King dan King, 1984:297). Istilah ini kemudiannya telah mengalami beberapa